



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI

TAHUN 23 - BILANGAN 16

RABU 19HB. APRIL, 1978.

رابعو 11 جمادى الاول 1398

PERCHUMA

LAHIRKAN GURU2 YANG BERKALIBER, TAHAN LASAK DAN TAHAN TUKOL — Dato Abd Rahman



Dato Setia Awang Abdul Rahman ketika berucap di-majlis tersebut.

Tugas Maktab Perguruan semakin berat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Peranan Maktab Perguruan Sultan Hassanalk Bolkiah akan semakin berat mulai tahun ini berikutan dengan perubahan dasar dengan meletakkan-nya untuk menaja dan menyelenggarakan beberapa kursus.

Kursus2 yang akan di-taja dan di-selenggarakan oleh maktab itu ia-lah kursus2 ulangkaji dan kursus latehan dalam perkhidmatan bagi guru2 dan pegawai2 Jabatan Pelajaran.

Ini bermakna bahawa maktab tersebut tidak saja melatoh bakal2 guru tetapi juga mengadakan latehan untuk membaiki lagi taraf pelajaran dan mutu pendidikan di-sekolah dan maktab2.

Menggariskan perubahan dasar bagi maktab tersebut, Pengarah Pelajaran, Awang Ahmad bin Haji Jumat ketika berucap di-Konvokesyen, 1978 di-Maktab tersebut pagi Sabtu lepas menyatakan bahawa maktab itu dalam menaja kursus ulangkaji dan latehan dalam perkhidmatan akan berfalsafahkan urusan2 dan unit2 perancangan dari Bahagian Yunit Peranchang, Kajian dan Bimbingan Jabatan Pelajaran dan

Bahagian2 Sekolah2 Rendah dan Menengah.

Menurut beliau, dalam kejuruan guru terdapat beberapa peringkat latehan yang sentiasa berjalan menurut perkembangan2 yang sentiasa berubah. Latehan2 itu ia-lah latehan asas yang menyusuri jurusan2 akademik; latehan induction (pembiasaan) seperti menghadhiri seminar2 dan kursus2 kemasyarakatan; dan, latehan dalam perkhidmatan untuk menguatkan latar-belakang ilmu pengetahuan.



Awang Ahmad Haji Jumat

Rukun pelajaran menyatukan, ketiga2 latehan itu walaupun mempunyai aspek2 yang berbeza, tetapi ketiga2nya diiktiraf sebagai bermatalamat satu untuk mencapai tujuannya ia-itu memperbaiki taraf dan mutu pelajaran di-sekolah2 dan maktab2 terutama dalam mata2 pelajaran asas seperti Bahasa, Ilmu Hisab dan Sains.

PERUBAHAN DI-SEKOLAH2 RENDAH

Satu lagi dasar baru yang di-buat pada awal tahun ini ia-lah mengkehendaki Guru2 Besar mengadakan peperiksaan atau assesment pada akhir tiap penggal kepada tiap darjah bagi sekolah2 rendah dengan satu chara penilaian peperiksaan.

Penilaian peperiksaan itu akan meletakkan pembahagian markah ia-itu 60% markah penggal 1, 2 dan 3; 20% markah kerja di-rumah; dan 20% markah kerja harian.

Lihat muka 12

Jalan2 ini di-istiharkan sa-bagai Kawasan Had

BANDAR SERI BEGAWAN. — Beberapa batang jalan di-Pekan Tutong dan Jalan Gadong di-Daerah Brunei dan Muara telah di-istiharkan sa-bagai Kawasan Had.

Pengistiharaan bagi Kawasan Had di-Pekan Tutong di-buat di-bawah Peratoran 2 dari Peratoran lalu-lintas Jalan Raya (Kawasan Had) 1956 dan di-gelar sa-bagai maklumat lalu-lintas Jalan Raya (Kawasan Had) (Pekan Tutong) 1977.

Kawasan2 yang di-istiharkan sa-bagai Kawasan Had bagi maksud peratoran2 lalu-lintas Jalanraya (Kawasan Had) itu ia-lah keseluruhan Jalan2 Pengiran Ahmad, Sungai Besar, Sungai Basong, Menteri Taib, Pengiran Anak Haji Mohammad, Penyurat Haji Abu Bakar, Bendahari Mohammad, Haji Abdul Ghani, Pengiran Othman dan Bukit Bendira.

Kawasan Had yang di-istiharkan ka-atas Jalan Gadong ada-lah di-buat di-bawah Peratoran 2 dari Peratoran (Kawasan Had) 1954.

Had laju keseluruhan Jalan Gadong bermula dari tempat pertemuan-nya dengan Jalan Kumbang Pasang hingga ka-tempat pertemuan-nya dengan Jalan Tutong sekarang ini ia-lah 40 batu sa-jam.

yang kita harapkan bagi memenohi keperluan negara kita yang banyak menghadapi rintangan terutama dari segi kekurangan tenaga manusia yang berkemahiran.

Bagaimana pun Dato Setia Awang Abdul Rahman menambahkan, bilangan bukan-lah satu sukatan yang mutlak dalam mengukur keangkayahan kita, tetapi ada-lah menjadi satu azam yang baik kalau kekurangan kita dalam bilangan itu di-sempurnakan dengan mutu ia-itu 'quality'.

"Apa-lah ada pada bilangan, jika berhadapan dengan tugas dan tanggungjawab kita akan bersembunyi di-sebalek bayang2 sendiri! Jangan-lah kita

Lihat muka 12



Dayangku Jamilah bte Pengiran Othman yang merupakan penuntut terbaik bagi kursus menengah pengajian 1975/77 sedang menerima hadiah kepujian-nya dari Dato Setia Awang Abdul Rahman di-majlis konvokesyen tersebut.

GADONG. — Maktab Perguruan Sultan Hassanalk Bolkiah dan Jabatan Pelajaran di-harapkan akan terus berusaha dalam mencari penyelesaian yang lebeh berkenaan dengan kehendak masharakat kita untuk melahirkan guru2 berkaliber besar, yang tahan lasak dan tahan tukol.

Justeru itu guru2 dan bakal2 guru di-negeri ini di-ingatkan supaya tidak akan mensifatkan kerjaya guru mereka sa-bagai satu saloran mata-pencharian semata2.

Demikian di-tegaskan oleh Dato Setia Awang Abdul Rahman, Pengarah Perjawatan Brunei ketika berucap di-Majlis Konvokesyen Maktab Perguruan Sultan Hassanalk Bolkiah di-sini pagi Sabtu lepas.

Dato Setia Awang Abdul Rahman seterusnya menekankan bahawa pekerjaan guru mempunyai tanggungjawab yang amat berat yang berkehendakkan guru2 yang perlu terus belajar, menchari, menchatet dan menyesuaikan bahan2 pelajaran yang mustahak bagi meninggikan mutu pengajaran masing2.

Pelajaran, kata-nya ia-lah bertujuan untuk membentok 'manusia baru' yang boleh berdiri di-atas tapak kaki sendiri serta dapat meringankan kesulitan dan kesusahan orang lain di-samping dapat menyelesaikan masaalah, dan bukan-nya menimbulkan masaalah.

Menyentuh peranan dan tanggungjawab yang akan di-jalankan oleh lepasan maktab itu, Dato Setia Awang Abdul Rahman berkata, mereka di-sifatkan sa-bagai penyambung hati dan nadi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di-dalam hasrat dan usaha mengasai anak2 bangsa Brunei yang mengharapkin pimpinan dan tunjok ajar yang jujur dan ikhlas, dan pada mereka-lah akan dapat menentukan suasana dan warna bangsa Brunei masa akan datang.

"Saya yakin Awang2 dan Dayang2 tidak akan menganggap sepi peranan yang di-pertanggung-jawabkan kepada Awang2 dan Dayang2 sekalian. Peranan ini bukan-lah kechil", Dato Setia Awang Abdul Rahman menegaskan.

Dato Setia Awang Abdul Rahman menyatakan lagi, penchapaian ilmu pengetahuan yang lebeh tinggi ada-lah bergantung di-atas kekuatan asas pendidikan



Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI

19HB APRIL, 1978

PENUBOHAN PASOKAN KADET SEKOLAH2

BARU2 ini kita telah sama2 menyaksikan satu temasha sokan bagi Pasokan Kadet Pulis Diraja yang terdiri dari penuntut2 sekolah. Peraduan dan temasha itu di-anjorkan oleh Pusat Latehan Pulis bersempena ulang-tahun pertama penubohan pasokan kadet tersebut.

Dalam temasha yang penuh kegembiraan itu, pasokan2 kadet itu telah mengadakan peraduan kawat yang telah di-langsungkan di-Pusat Latehan Pulis Diraja, Jalan Muara sementara temasha sokan pula di-langsungkan di-Padang SMJA. Para penuntut 'am-nya dan para ibubapa khusus-nya, telah dapat menyaksikan bersama2 dalam temasha tersebut sa-chara langsung betapa kegembiraan yang menyusok sanubari para penuntut kerana dapat melihat dengan mata kepala masing2 akan kechergasan anak2 kita mengikuti latehan berkawat di-samping mempelajari sedikit sa-banyak tanggung-jawab pulis terhadap bangsa dan negara Brunei Darussalam yang sama2 kita cintai ini.

Pasokan2 Kadet Pulis Diraja dan Kadet Askar Melayu Diraja Brunei yang telah di-tubuhkan di-sekolah2 itu juga tidak ketinggalan telah mengambil bahagian dalam sa-barang upacara keramaian umpama-nya perayaan ulang tahun Puja Usia Kebawah DYMM, hari pelajar dan sa-umpama-nya. Ini menunjukkan penubohan pasokan2 kadet tersebut semakin mendapat galakan atas usaha serta kerjasama para guru, ibubapa dan juga penjaga penuntut2 itu sendiri. Kita penuh keperchayaan bahawa pada masa akan datang, akan bertambah lagi penubohan pasokan2 kadet tersebut di-sekolah2 dan maktab di-negeri ini.

Untuk menghilangkan keraguan atau kekeliruan di-kalangan yang beranggapan dengan mempertunjukkan kegiatan kadet2 itu di-upachara keramaian, takut kalau2 ada sangkaan yang negara kita ini adalah sa-buah negara kepulisan atau ketenteraan — ini adalah dugaan yang jauh merusot! Dan pernah di-tekanakan penubohan kadet2 tersebut bukan-lah juga untuk memaksa kadet2 itu mesti memasuki di-lapangan kerja pulis atau askar!

Adalah menjadi hasrat Kerajaan menerusi Jabatan Pelajaran untuk menggalakkan penuntut2 di-negeri kita ini berdisiplin dan bertanggung-jawab seponoh-nya dalam mengamalkan prinsip keamanan serta keperchayaan juga patoh kepada peratoran atau undang2 negara, memupok semangat kesedaran bermasyarakat, beragama dan termasuk ta'at setia kepada Raja serta patoh kepada pemimpin2 negara.

Hasrat mematohi kepada undang2 atau peratoran serta semangat untuk berbakti kepada masyarakat akan dapat di-kukuhkan dalam sanubari penuntut melalui latehan2 yang di-tanamkan kepada pasokan kadet dan ia-nya bukan berakhir di-situ sahaja bahkan lebih mustahak jika prinsip itu di-berikan perhatian serta di-praktikkan dalam kehidupan sa-tiap hari kaum penuntut yang sentiasa berkisar dengan aktib2 berkaitan dengan pelajaran di-sekolah.

DALAM siri ke-lapan yang lalu, kita telah meninjau Mukim Serasa dan sa-bagai meneruskan tinjauan kita ka-mukim2 di-Daerah Brunei dan Muara, kita bawa Awda pula meninjau Mukim Berakas.

Mukim Berakas ini terletak tidak berapa jauh dari Bandar Seri Begawan dan ada-lah salah sa-buah mukim yang besar di-daerah tersebut. Ia-nya mengandungi sa-banyak 17 buah kampong dan mempunyai penduduk sa-ramai 12,267 orang dan mendiami kira2 2,014 buah rumah. Mukim ini di-bawah pengawasan Penghulu Awang Haji Ibrahim bin Abdul Rahman.

Mukim Berakas ada-lah juga merupakan sa-buah Mukim yang berkembang pesat sejak tahun enam puluhan lagi. Di-mukim inilah terletak-nya satu ranchangan Kerajaan Duli Yang Maha Mulia bagi menempatkan penduduk2 dari Kampong Ayer yang selalu di-sebut sa-bagai Kampong Perpindahan. (Kampong ini akan di-sentuh dalam siri2 yang akan datang).

Untuk memulakan tinjauan kita ka-kampong2 di-mukim ini, kita memperkatakan Kampong Sungai Hanching dan Salambigar dulu. Kampong ini terletak di-sepanjang Jalan Muara ia-itu kira2 sembilan batu dari Bandar Seri Begawan. Kedua buah kampong ini di-bawah pengawasan Ketua Kampong Awang Salleh bin Datu Seri Laila Haji Samat. Kampong Sungai Hanching mempunyai kira2 365 orang penduduk yang mendiami 65 buah rumah, manakala Kampong Salambigar mempunyai 503 orang penduduk dan 75 buah rumah. Kampong2 ini mempunyai kemudahan2 seperti sekolah, masjid, bekalan ayer, bekalan elektrik dan talipon.

Tidak berapa lama lagi sa-batang jalan kecil akan di-bena di-sebelah kanan jalan besar kira2 1/2 batu sebelum dapat Sekolah Melayu Sungai Hanching. Dengan pembinaan jalan kecil ini nanti ia-nya akan membolehkan pemilek2 tanah membuka tanah2 mereka untuk berchuchok tanam.

DARI BILEK TAKLIMAT

MUKIM BERAKAS

SIRI KE-11

Menurut Ketua Kampong Sungai Hanching, pemilek2 tanah yang terlibat dalam pembinaan jalan kecil itu telah pun memberikan persetujuan mereka.

Pekerjaan penduduk2 di-kampong2 tersebut kebanyakan-nya berchuchok tanam, terutama padi. Selain dari itu mereka juga berkhidmat dengan Kerajaan dan firma2.

Sekarang kita beralah pula ka-Kampong Tilong yang letak-nya dua batu dari Jalan Besar dan menghubungkan Kampong Mading dengan Jalan Berakas. Berikutan dengan pembukaan tanah di-kampong ini beberapa buah rumah yang kukuh yang kebanyakan-nya di-punyai oleh kakitangan Kerajaan telah di-bena.

Ketua Kampong Tilong ini ia-lah Awang Haji Nasir bin Tarif. Ramai penduduk-nya kira2 431 orang dan banyak rumah-nya kira2 70 buah rumah. Sa-lain dari jalan raya, kemudahan2 yang lain di-kampong ini ia-lah seperti bekalan ayer, elektrik dan talipon telah ada di-kampong ini. Anak penduduk2 kampong ini berse-makan gaji, mereka juga

kolah ka-Sekolah Melayu Sungai Hanching.

Kita teruskan pula tinjauan ini ka-Kampong Mading yang sa-sempadan dengan Kampong Tilong. Kampong ini tidak mempunyai Ketua Kampong, tetapi ia di-bawah jagaan Ketua Kampong Tilong. Ramai penduduk Kampong Mading ini ia-lah kira2 123 orang dan banyak rumah di-dalam-nya kira2 34 buah. Keadaan Kampong ini tidak banyak beza-nya dengan Kampong Tilong, hanya sa-bahagian besar kanak2-nya bersekolah ka-Sekolah Melayu Delima Satu.

Kita beredar pula ka-Kampong Mangis yang ramai penduduk-nya kira2 520 orang dan banyak rumah di-dalam-nya kira2 66 buah. Jalan raya-nya menghubungkan Jalan Muara sa-panjang 1 1/2 batu. Kanak2-nya bersekolah ka-Sekolah Melayu Delima Satu. Kampong ini juga dilengkapi dengan kemudahan2 seperti ayer, bekalan elektrik dan kawat tali-pon.

Sa-telah itu kita beredar ka-Kampong Sungai Akar. Seperti Kampong Mangis, Kampong Sungai Akar ini ada-lah juga di-bawah jagaan Ketua Kampong Tilong. Kampong ini mempunyai penduduk sa-ramai kira2 192 orang dan banyak rumah-nya pula ia-lah kira2 31 buah. Panjang jalan raya yang menghubungkan Jalan Muara ia-lah sa-jauh 1/2 batu. Perbekalan ayer dan elektrik juga telah ada.

Penduduk kampong2 yang di-sebutkan itu kebanyakan-nya dari kakitangan Kerajaan dan kehidupan mereka di-sini sa-lain dari



Penghulu Mukim Berakas, Awang Haji Ibrahim bin Abdul Rahman.

berusaha berchuchok tanam sa-chara sambilan bagi mengisi masa lapang mereka.

Dalam 1,000 orang lebeh penduduk di-ke-empat2 buah kampong itu tadi adalah di-bawah jagaan sa-orang Ketua Kampong ia-itu Ketua Kampong Tilong. Sunggo pun bilangan penduduk-nya itu agak ramai, tetapi oleh sebab penduduk2 di-kampong ini adalah kebanyakan-nya dari golongan intelek sudah tentu kemuskilan2 dan kesumbangan2 keadaan dapat di-atasi dengan fikiran2 yang baik dan membena.

Buku ini sedang di-jual

BANDAR SERI BEGAWAN. — Buku Perangkaan Brunei bagi tahun 1975/1976 (Brunei Statistical Yearbook 1975/1976) sekarang sedang di-jual kepada orang ramai.

Buku yang berharga \$3.00 sa-naskah itu boleh di-dapati dari Bahagian Penerangan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Jalan McArthur Bandar Seri Begawan.



Ketua Kampong Tilong, Awang Haji Nasir bin Tarif.

Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebeh rendah di-kedai Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kepada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah ini bermula bagi minggu 13hb April, 1978.

BANDAR SERI BEGAWAN

- UDANG KERING — \$5.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut: —
Chop Chin Seng,
No. 107, Jalan Chevalier.
- BAWANG BESAR — 80 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut: —
a) Sharikat Haji Abdul Rahman
No. 94, Jalan Chevalier.
b) Suom Huat,
No. 28, Jalan Sultan.
c) Ming Thai & Co.,
No. 32, Jalan Sultan.
- GARAM HALUS (Phoenix Brand) — 20 sen sa-bungkus boleh di-beli dari kedai berikut: —
A. M. Mohammad Ali Maricar,
No. 87, Jalan Chevalier.

KUALA BELAIT:

- UDANG KERING — \$5.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut: —
Chin Fatt,
No. 60-B, Jalan Pretty.
- BAWANG BESAR — 90 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut: —
a) Seng Hup Hin & Co.,
No. 30, Jalan Pretty.
b) Eng Soon Seng,
No. 58, Jalan Pretty.
c) Kok Kee,
No. 60, Jalan Pretty

- Fon Soon,
No. 60-A, Jalan Pretty.
 - Sharikat M. Haji,
No. 101, Jalan McKerron.
 - Chang Seng Cheong,
No. 103, Jalan McKerron.
- GARAM HALUS (Phoenix Brand) — 25 sen sa-bungkus boleh di-beli dari kedai berikut: —
Yin Tai,
No. D, Bangunan Dewan Perdagangan China
Jalan Bunga Raya.

SERIA:

- UDANG KERING — \$5.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut: —
Chop Kim Huat,
No. 53, Jalan Bunga Kuning.
- BAWANG BESAR — 80 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut: —
a) Yick Fatt,
No. 36, Jalan Sultan Omar Ali.
b) Poh Sing,
No. 65, Jalan Bunga Kenanga.
c) Wong Wah Seng Trading,
No. 73, Jalan Bunga Kenanga.
- GARAM HALUS (Phoenix Brand) — 25 sen sa-bungkus boleh di-beli dari kedai berikut: —
Chop Giap Hin,
No. 49-B, Jalan Bunga Kuning.

Merebut Kejohanan Chator tahun ini

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Chator Negeri Brunei akan meng-anjorkan perlawanan chator bagi merebut kejohanan tersebut tahun ini, sempena sambutan perayaan Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan ke-32 tahun ini.

Perlwanan tersebut akan di-langsungkan di-Pusat Belia sini, mulai 7hb Mei depan pada tiap2 hari Ahad jam 9.00 pagi sahingga pusingan perlwanan itu tamat.

Perlwanan itu ada-lah

mengikut chara "Swiss System" ia-itu perlwanan pusingan. Ia-nya terbahagi kepada empat bahagian ia-itu: —

(a) Kejohanan perseorangan lelaki terbuka, Bahagian I dan II.

(b) Kejohanan perseorangan wanita terbuka;

(c) Kejohanan perseorangan kanak2 terbuka di-bawah umur 18 tahun.

(e) Kejohanan berpasokan terbuka.

Borang2 permohonan untuk menyertai perlwanan itu boleh di-dapati dari sekurang dan tarikh tutup

permohonan ia-lah pada 30hb April ini. Berhubunglah dari sekarang kepada pehak yang berkenaan saperti berikut: —

(a) Pengiran Badaruddin bin Pengiran Rabaha, d/a Jabatan Radio dan Talivishen, Bandar Seri Begawan.

(b) Pengiran Mohd Limbang bin Pengiran Laila Wijaya Pengiran Haji Yusof, Pejabat Penchen, Bandar Seri Begawan.

(c) Awang Ibrahim bin Haji Ali, Jabatan Kerja Raya.

(d) Awang Ibrahim bin Ghani, Ibu Pejabat Pulis, Brunei/Muara dan

(e) Awang P. S. Somasundaram, Pusat Tingkatan Enam, Jabatan Pelajaran.

DALAM masa kita giat memperkatakan Islam sa-bagai sa-chara hidup, amat perlu sekali kita membuat pendekatan apa-kah yang di-sebut dengan "chara hidup" itu yang sa-benar-nya? Jika di-perhatikan dengan saksama, chara hidup itu ia-lah ajaran2 atau arahan2 yang di-suruh kita melakukan-nya. Jadi "chara hidup Islam" ia-lah ajaran2 dan perintah2 Allah Ta'ala, yang terkumpul seluruh-nya dalam maana menyembah dan beribadat kapada-Nya, sa-bagaimana firman-Nya yang bermaksud :

"Tidak Aku jadikan jin dan manusia itu, melainkan supaya mereka beribadat menyembah Aku".

Sa-pintas lalu ibadat itu ia-lah hanya melakukan sembahyang, puasa, haji, zakat, bersedekah, beriktikaf dalam masjid dan membacha Al-Koran sahaja. Sebenarnya bukan-lah tertentu pada perkara2 itu sahaja, walau pun perkara2 itu perlu di-tekanakan dan bahkan antara-nya wajib tunai di-laksanakan. Ibadat dalam pengertian-nya yang luas ada-lah meliputi semua bidang hidup, muamalat kemasyarakatan, bidang janayat dan qadza', ehwal shakhsiyyah ia-itu urusan pembentokan keluarga, yang merangkumi tata susila dan budi pekerti yang baik serta sa-barang usaha yang menjamin kesenangan hidup dan ketenteraman masha-rakat.

Tetapi dalam pada itu hendak-lah pula diperhatikan bahawa amalan2 chara hidup di-bidang2 yang umom ini hanya akan di-kira menjadi ibadat dan mendatangkan pahala di-sisi Allah apabila ia di-kerjakan dengan ikhlas dan niat samata2 untuk menchapai keredhaan Allah. Dan yang penting sekali amalan2 itu tidak sama sekali bertenangan dengan hukum2 tegahan yang di-larang oleh Islam, tidak melalai dan mengurangkan amalan2 ibadat yang wajib seperti sembahyang dan puasa atau sa-bagai-nya. Jangin oleh kerana mahu lebeh chepat dan bebas kita melepaskan diri dari ugama. Atau jadi orang yang anti ugama sebab ugama di-anggap mengachau dan tidak layak mengurus hidup-nya.

Insha Allah, berbahagialah orang2 Mukmin yang mematohi ajaran2 Allah, yang hidup dengan chara2 hidup Islam yang di-red-

hai-Nya, yang ingat mengingati antara satu sama lain tentang hukum2 Allah, tentang kebenaran dan kebajikan, yang tekun dan sabar menghadapi sa-barang chabaran. Sa-balek-nya pasti akan rugi dan azab jua yang

akan di-terima oleh orang2 yang engkar, degil dan tidak mahu mengindahkan ajaran2 Allah serta enggan mematohi hukum2 ugama dalam kehidupan-nya sa-hari2.

Oleh hal yang demikian, wahai k a u m

HIDUP BERIBADAT KAPADA ALLAH



lambat chara hidup yang hendak kita tuju, ia-itu menjadikan semua kegiatan dan pergerakan kita sa-bagai ibadat kapada Allah, dengan niat ikhlas serta tidak bertentangan dengan hukum2 tegahan-Nya.

KITA hidup di-dunia ini sa-bagai manusia biasa tidak sunyi dari memileki kelemahan2 dan melakukan kesalahan atau kesilapan2. Maka untuk memperbaiki kelemahan dan kesalahan itu agar tidak berleluasa dan menular kritik yang berupa teguran membena dan melurus yang di-luahkan oleh sa-seorang yang ikhlas hati dan jujur kita harus-lah terima dengan otak yang dingin. Kerana sifat menerima kritik dan teguran yang membena itu juga salah satu dari sifat2 yang terpuji dan di-pandang mulia.

Kritik dan teguran atau peringatan itu mungkin berlaku ka-atas orang perseorangan atau orang2 yang bertanggung-jawab bagi sesuatu jabatan atau pun yang bertanggung-jawab bagi sesuatu organisasi dan sa-bagai-nya.

Dengan itu nanti pehak2 yang berkenaan atau terlibat itu dapat memperbaiki sikap-nya atau kelemahan2 nya bagi melichinkan tugas2 dan pentadbiran yang di-pertanggung-jawabkan kapada mereka, demi untuk menuju ka-jalan kebenaran yang di-redhai

Bingkisan minggu ini

yang bermaksud kira2 :

"Berilah peringatan, sesungguhnya peringatan itu memberi manafaat kapada orang2 Mukmin".

Dari maksud sa-buah hadith Rasulullah s.a.w. yang di-riwayatkan oleh Muslim pula ada menekankan seperti berikut :

"Sa-siapa yang mendapati sesuatu kemungkaran hendaklah di-ubahkan dengan

ISLAM GALAKKAN KRITIK YANG MEMBENA

tangan-nya (kekuasaan-nya), jika tidak berkuasa hendak-lah di-ubahkan dengan lidah-nya dan jika tidak juga berkuasa hendak-lah di-ubah dengan hati dan itu-lah sa-lemah2 iman".

Lantaran kritik2 dan teguran2 atau peringa-

tan yang membena itu akan melahirkan nati-jah yang sehat dan baik bagi semua aspek kehidupan, Nabi Muhammad s.a.w. ada juga menekankan dalam hadith-nya yang bermaksud :

"Katakan kebenaran itu walau pun pahit".

Mengkritik ata u tegur menegur itu bukan-lah terletak pada pehak2 tertentu saja, malah ia-nya terpikul kapada semua kaum muslimin yang mempunyai idea2 murni. Dan jangan-lah pula kita pentingkan dari siapa datang-nya teguran itu, bahkan yang perlu di-perhatikan ia-lah isi teguran itu.

Islam menggalakkan kritik2 yang membena, kerana itu fikiran manusia akan berkembang luas dan cerdas untuk memperbaiki dan menguasai lagi segala usaha yang di-jalankan dan ia-nya benar2 menuju kaarah keredhaan Allah s.w.t.

Pendek kata kebenaran dan kejujoran itu perlu di-keketengahkan pada munasabah2-nya walau terhadap siapa pun, kerana kebenaran2 itu datang dari Allah sa-mata2, dan kita hanya di-suruh takut kapada Allah bukan kapada sa-sama manusia atau lain2 makhluk. Sa-bagaimana firman Allah dalam surah Al-Maidah bermaksud lebeh kurang :

"Jangan-lah takut kapada manusia dan takut-lah kapada Ku (Allah)".

Memelok Ugama Islam

DUA lagi majlis peng-Islaman telah di-lakukan awal bulan ini di-dua tempat yang berasingan di-Daerah Brunei dan Muara.

Majlis peng-Islaman yang berlangsung pada hari Sabtu, 8hb April itu telah menukar nama bagi Sundai bin Bintang berumur 19 tahun yang berasal dari puak Dusun di-rumah Penghulu Mukim Kampong Burong Pingai Ayer, Awg Hj Abu Bakar bin Hashim di-Kampong Lurong Dalam.

Sundai kini di-kenali sa-bagai Mohammad Ali Yusri bin Abdullah.

Sementara itu majlis peng-Islaman yang satu lagi bertempat di-Pejabat Hal Ehwal Ugama Islam di-Bandar Seri Begawan telah juga menukar nama Duan anak Kalau berumur 32 tahun.

Duan yang berasal dari puak Bisaya. Limbang, Sarawak telah memilih nama Islam-nya sa-bagai Azizah bte Abdullah.

Kedua2 majlis peng-Islaman itu telah di-sempurnakan di-hadapan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Hj. Ismail.



Mohd Ali Yusri



Azizah bte Abdullah

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 19hb April, 1978 hingga ka-hari Selasa 25hb April, 1978, ada-lah seperti dibawah ini : —

Hari	Bulan	Dzuhor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Matahari Suboh Terbit
19hb April		12.26	3.41	6.31	7.43	4.44	4.58 6.12
20hb April		12.26	3.41	6.31	7.43	4.44	4.58 6.12
21hb April		12.25	3.40	6.31	7.43	4.42	4.56 6.10
22hb April		12.25	3.40	6.31	7.43	4.42	4.56 6.10
23hb April		12.25	3.40	6.31	7.43	4.42	4.56 6.10
24hb April		12.25	3.40	6.31	7.43	4.42	4.56 6.10
25hb April		12.25	3.40	6.31	7.43	4.42	4.56 6.10

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

RTB TO TELECAST WORLD CUP GAMES

BANDAR SERI BEGAWAN. — Soccer fans in the State can look forward to some thrilling moments next month when Radio Television Brunei will be showing the World Cup games starting with the preliminary rounds.

Sixteen nations who have come through the preliminary rounds will compete in the World Cup games in Argentina from 1st to 25th June.

SOASC junior wins quiz contest

BANDAR SERI BEGAWAN. — SOAS College Junior emerged champion in the inter-secondary school/college quiz competition when it beat the Ahmad Tajuddin Malay School in the final held at the SMJA Secondary School here last Thursday.

The Superintendent of Secondary Schools, Awang Alihashim bin Haji Daud declared open the final and later gave away the prizes to the winners.

The competition was organised by the Education Department and had been held since January.

RTB will begin their television coverage by showing some of the most exciting games in the preliminary rounds.

They will telecast each Saturday for five weeks the highlights of two of these games.

Viewers can see Holland versus Belgium and Northern Ireland on May 6, Scotland versus Czechoslovakia and Wales on May 13, West Germany versus Brazil and Italy on May 20, Argentina versus France and East Germany on May 27 and Italy versus Finland and England on June 3.

RTB hope to take the first match in the World Cup games between West Germany and Poland in the Argentine capital of Buenos Aires on Thursday June 1 by satellite through Singapore and telecast it the next day.

From then on two World Cup matches from Argentina will be shown weekly on Wednesdays and Saturdays.

In the closing week, four games will be telecast on June 21, 24, 25 and 26.

Altogether RTB will show nine of the World Cup matches including the final.



Postal Orders not valid in Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN. — British postal orders issued in the Peoples' Democratic Republic of Yemen and overprinted with the words "local use" will not be accepted in Brunei.

The Postal Services Department announcing this said such postal orders are valid in the Yemen only and that anyone having them should return them to the sender.

Normal postal orders issued in that country will, however, continue to be accepted under the usual conditions of payment.

The Director of Establishment, Dato Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Haji Mohammad Taib speaking before he presented certificates to two hundred and ninety-three teachers at a convocation ceremony held at the Sultan Hassanul Bolkiah Teachers' College, Gadong on Saturday.

The teachers have just completed a training course at the college.

Of the total, one hundred and seventy-two — 98 in the English medium and 74 in the Malay medium — took the 1974 to 1976 course and seventy-two — 31 in the English medium and 41 in the Malay medium — completed the 1975 to 1977 course and the rest attended refresher course.

The best students were Dayangku Jamilah binte Pengiran Othman and Awg Othman bin Haji Yassin.

A top RBMR officer honoured

BANDAR SERI BEGAWAN. — His Highness the Sultan Sir Muda Hassanul Bolkiah Muizzaddin Wadullah conferred the award of Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa, DSLJ, Second Class, which carries the title Dato, to the Deputy Commander of the Royal Brunei Malay Regiment Lieutenant Colonel J.A.P. de-Condole at a ceremony held recently at the Istana Darul Hana.

Dato Seri Laila Jasa Lt. Col. de-Condole left the State last Monday at the end of two years' service with the regiment.

Among those present at the ceremony were Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin.

dien Saadul Khairi Waddien, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah and the Commander of the Royal Brunei Malay Regiment, Colonel Dato Roberts.

Association for education formed

JALAN BERAKAS. — An association called the Brunei Association for Science Education, BASE has been formed here.

The inaugural meeting attended by about forty people was held recently at the Berakas English School.

During the meeting the constitution was discussed and approved and a committee of office-bearers was elected.

After the election an interesting talk was delivered by Mr. S. Wavell of Radio Television Brunei on "Science Programs For Radio Brunei?".

This was followed by a nature film entitled "The last stronghold-the unknown jungle".

All science teachers and others who want to know more about BASE activities should send their enquiries to the Hon. Secretary, c/o Pusat Sains, Jalan Berakas.

Blood continues to flow

JALAN MUARA. — The State Blood Bank last week collected twenty-five pints of blood from students and teachers of the Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan and the Sixth Form Centre here.

On Sunday, officials from the bank went to Bangar, Temburong where some fifty members of the Singapore Armed Forces who are currently undergoing jungle training in the district donated blood.

The officials have also planned three more visits this month.

Tomorrow they will go to the Fire Station at the Old Airport to collect donation from some firemen.

Next Thursday will see them at the Sultan Hassanul Bolkiah Teachers Training College, Gadong and the following Saturday at the Seri Begawan Religious Teachers College, Jalan Tutong.

So far the bank has collected more than five hundred and twenty pints of blood since the present campaign was launched in January.

Brunei boxers in Pakistan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Brunei is being represented by two of its top boxers at the week long Fourth Asian Junior Boxing Championships which started in Karachi, the Pakistani capital, on Monday.

The two are Awangku Abdul Rahman bin Pengiran Haji Mohiddin and Awang Mat Layer.

They were accompanied by Yang Dimuliakan Pehin

Datu Indera Setia Dato Paduka Lieutenant Colonel Awang Sulaiman bin Haji Awang Damit of the Royal Brunei Malay Regiment.

Before leaving here last Thursday the team received the state flag from the Director of Welfare Youth and Sports, Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussein who is also the President of the Brunei Amateur Boxing Association.



Lt. Col. Sulaiman receiving the flag from Pehin Dato Hussein.

Chess tourney

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Brunei Chess Association is organising a tournament for chess players in the Brunei Muara District as part of His Highness the Sultan's birthday celebrations.

The tournament will be played at the Youth Centre here starting on May 7.

Those interested in taking part should obtain entry forms now available from the association.

The forms must be returned before the end of the month.

Marine Police attend course in S'pore

BANDAR SERI BEGAWAN. — Twenty members of the State Marine Police are currently in Singapore undergoing a three-month course in marine police duties.

The policemen are being

attached to the Singapore Marine Police Headquarters in Kallang.

They left Brunei ten days ago after having completed a four-week basic course at the Marine Police base at Muara.

PEMBENTOKAN semangat berdisiplin, semangat berdikari, semangat bersatu-padu dan semangat taat setia yang sa-wajar-nya di-tanamkan ka-dalam diri sa-tiap anggota masyarakat ada-lah pada asas-nya di-bentok dan di-suborkan ka-dalam diri sa-tiap murid dan penuntut di-perengkat sekolah lagi.

Pembentokan ini tidak shak lagi ada-lah merupakan satu jambatan yang di-hasratkan sa-bagai penghubung perasaan muhibbah di-kalangan anggota masyarakat itu sendiri dalam mencapai suatu bentok keharmonian dan kekokohan sendi masyarakat yang antara lain akan juga mengujudkan suatu bangsa pada sa-buah negara yang beridentiti dan berdisiplin.

Sememang-nya pembentokan semangat demikian di-kalangan murid atau penuntut di-bangku sekolah itu tadi sudah semesti-nya merupakan suatu langkah pelaksanaan yang tidak terlambat di-usahakan oleh tenaga2 yang menyedari hakikat itu kerana di-perengkat inilah segala benih kesedaran, benih bersatu-padu, benih berdisiplin dan benih taat setia yang di-kehendaki oleh sa-suatu masyarakat itu akan dengan mudah di-tanam dan mencapai hasil yang berjaya.

Murid yang merupakan satu jenerasi yang maseh muda dan mudah di-olah atau di-lentur mengikut kehendak pelentur-nya adalah dengan senang menangkap atau menerima apa yang ia terima. Kerana itu melentur atau mengolah jenerasi saperti ini di-sekolah2 perlu-lah mempunyai suatu garis atau dasar yang di-kehendaki oleh negara dan masyarakat itu sendiri.

Dan alhamdulillah sa-panjang yang kita perhatikan sa-jauh ini kebanyakan kesan yang di-perolehi dan di-terima oleh kanak2 di-negeri ini sangat-lah menggalakkan dari segi disiplin dan tingkah laku mereka yang tidak dapat di-ragukan lagi usaha dan peranan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia menerusi perkembangan pendidekan Jabatan Pelajaran dan Jabatan Hal Ehwal Ugama serta pehak2 swasta yang turut memberikan kerjasama mereka ka-arrah pembentokan itu sung-goh memuaskan.

Betapa tidak hasrat mencapai hasil pembentokan semangat itu tadi, menerusi Jabatan Pelajaran, beberapa kegiatan dan usaha pendidekan sedang giat di-

MEMBENTOK SEMANGAT BERDISIPLIN, BERDIKARI, BERSATU-PADU DAN TAAT SETIA


Ugama juga merupakan langkah yang memberi kesan yang bukan sedikit pada menanamkan ka-dalam diri kanak2 dengan sifat2 taat, jujur dan amanah.

Semua-nya itu chuma pandangan yang sengkak dan pendek sahaja untuk tatapan kita dalam meninjau sa-jauh mana-kah peranan yang telah di-churahkan oleh Kera-

jaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi maksud2 demikian pada melahirkan jenerasi muda yang di-asoh penoh berdisiplin, bertanggung-jawab, berdikari dan taat setia di-perengkat sekolah rendah di-negeri ini.

Kendati pun demikian peranan yang di-mainkan oleh penuntut2 di-perengkat menengah dalam pembentok sikap dan semangat tersebut ada-lah lebeh berguna dan maha penting lagi, kerana dari perengkat ini-lah merupakan satu saat peralehan yang sa-benar2-nya sa-belum mereka menjadi anggota masyarakat.

Pendidekan dan pembentokan yang sempurna di-perengkat rendah tidak shak lagi akan dapat memberi putik yang baik untuk di-ba-



wa ka-perengkat menengah sa-bagai bunga sa-belum ia menjadi buah ka-dalam masyarakat.

Kerana itu pengujudan yang tidak sa-chara langsung yang telah di-mainkan oleh pusat2 pengajian tinggi di-negeri ini umpama-nya apa yang telah berlaku di-Pusat Tingkatan Enam di-Jalan Muara beberapa tahun kebelakangan ini menunjukkan harapan kita untuk mempunyai anggota masyarakat yang berdisiplin, berdikari, bersatu-padu dan taat setia sunggoh che-rah sekali.

Di-pusat tersebut telah beberapa kali di-adakan ator-chara yang berfaedah ka-arrah pembentokan itu di-dalam minggu orientasi atau suai-kenal ka-pada penuntut2 baru-nya.

Pada dasar-nya mengadakan orientasi atau suai-kenal di-kalangan penuntut2 baru atau 'new-intake' di-sa-sebuah pusat pengajian tinggi ada-lah bertujuan tidak lain dan tidak bukan untuk menyesuaikan dan membiasakan perasaan muhibbah antara penuntut lama dan penuntut baru.

Sa-bagai senior atau penuntut lama di-pusat tersebut mereka perlu-lah menunjukkan ba-gaimana-kah chara-nya hidup di-kampus? apakah ia hanya perlu tinggal berpoaya2, angan2 atau berdikari?

Hidup di-kampus atau tinggal di-pusat2 pengajian tinggi, tiap sa-orang penuntut perlu-lah aktif dan bergerak chergas dalam segala tingkah laku dan pergerakan kegiatan2-nya. Dari sini mereka, sa-hari demi sa-hari akan mengerti apa-kah erti-nya hidup sa-bagai sa-orang pelajar di-pengajian tinggi? Apakah yang perlu di-buat oleh sa-orang pelajar ka-atas diri-nya, rakan-nya, pelajaran-nya dan masyarakat sesama penuntut-nya?

Oleh itu minggu suai-kenal bagi penuntut2 baru

di-pusat pengajian tinggi perlu di-ketahui semua itu, dan menerusi minggu suai-kenal ini-lah nanti dengan sendiri-nya akan dapat membentok sa-kumpulan anggota masyarakat yang mengerti.

Berbalek kapada ucapan yang telah di-luahkan oleh Ketua Unit Peranchang, Kajian dan Bimbingan, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apang yang telah merasmikan minggu orientasi PTE baru2 ini, bahawa ketiadaan kerjasama, ketiadaan semangat bersatu-padu, dan lemah-nya sikap 'esprit-de-corp' di-kalangan penuntut2 akan mudah menjejaskan kegiatan2 dan mungkin juga pelajaran penuntut2 itu sendiri.

Maka sudah tepat ucapan Ketua Unit Peranchang, Kajian dan Bimbingan itu bahawa menerusi minggu orientasi sa-umpama yang di-adakan di-PTE itu tiap penuntut akan di-asoh bagaimana chara hidup berdisiplin, yang menurut-nya hidup berdisiplin diri sendiri saperti patoh kapada menepati masa belajar dan hormat kapada guru, dan dengan berdisiplin akan menimbulkan keinginan dan kegembiraan orang lain kapada diri kita sendiri dan ia-nya perlu di-amalkan.

Mengasoh sa-seorang penuntut saperti menerusi minggu orientasi itu juga kita perlu ingat bahawa ia-nya akan dengan mudah menimbulkan akibat yang bertentangan pada mencapai pembentokan semangat yang di-maksudkan kira-nya terdapat di-dalamnya beberapa bentok ator-chara yang tidak sehat, umpama-nya melakukan re-ting atau denda yang kurang sopan kapada penuntut2 baru.

Dan alhamdulillah sa-panjang yang di-perhatikan kebanyakan ator-chara di-jalankan di-dalam minggu orientasi itu terdapat bentok penyesuaian yang dapat melahirkan keharmonian dan perasaan muhibbah yang lebeh mendalam di-kalangan penuntut2 itu sendiri baik yang lama mahu pun yang baru. Mudah2an langkah penyesuaian yang demikian akan dapat di-teruskan oleh PTE sa-bagai pusat pengajian tinggi di-negeri ini dan mudah2an menerusi PTE inilah juga nanti akan lahir jenerasi muda yang akan menganggotai masyarakat kita Brunei Darussalam yang penoh semangat disiplin, berdikari, bersatu-padu dan taat setia.

Maktab SOAS (J) johan Kuiz

BANDAR SERI BEGAWAN.—Pertandingan akhir kuiz antara Sekolah2 Menengah/Maktab2 Kerajaan Negeri Brunei telah berlangsung di-sini Khemis lalu, bertempat di-dewan Sekolah Menengah SMJA.

Pertandingan itu yang merupakan penyudah kapada siri pertandingan yang telah berjalan sejak bulan Januari lalu telah di-usahakan oleh Baha-

gian latehan Kesenian, Jabatan Pelajaran Brunei.

Dalam pertandingan siri akhir itu Maktab S.O.A.S. Junior telah muncul sa-bagai johan sa-telah berjaya menewaskan Sekolah Menengah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait.

Pertandingan pada hari itu telah di-rasmikan oleh Pengua-sa Sekolah2 Menengah Negeri Brunei, Awang Ali Hashim bin Haji Daud, beliau kemudiannya menyampaikan hadiah2 kemenangan kapada peserta2.



Awang Ali Hashim menyampaikan hadiah kapada ketua pasukan Maktab SOAS (Junior).

Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 20hb. hingga 29hb. April, 1978

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA	
Kawasan Rumah Ketua Kampong, Serasa	20.4.1978	Khamis	3.15- 4.15	petang
Kawasan Rumah Ketua Kampong Mesjid Lama, Muara	20.4.1978	Khamis	4.30- 5.30	"
Kawasan Mesjid, Kampong Sengkabung	22.4.1978	Sabtu	2.00- 3.00	"
Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas	22.4.1978	Sabtu	3.15- 4.15	"
Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut	22.4.1978	Sabtu	4.30- 5.30	"
Sekolah Melayu Sungai Hanching	24.4.1978	Isnin	3.00- 4.00	"
Berhadapan Kedai, Pekan Muara	24.4.1978	Isnin	4.30- 5.30	"
Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Menengah)	25.4.1978	Selasa	9.15-10.15	pagi
Sekolah Melayu Anggerak Desa	25.4.1978	Selasa	10.30-11.30	"
Sekolah Melayu Penglima Berudin, Limau Manis	26.4.1978	Rabu	8.30- 9.30	"
Sekolah Melayu Pengkalau Batu	26.4.1978	Rabu	9.45-10.45	"
Sekolah Melayu Masin	26.4.1978	Rabu	11.30-12.00	T/hari
Sekolah Melayu Birau	29.4.1978	Sabtu	1.30- 2.30	petang
Sekolah Melayu Kiudang	29.4.1978	Sabtu	2.45- 3.45	"
Sekolah Melayu Lamunin	29.4.1978	Sabtu	4.00- 5.00	"

SIARAN BAHAGIAN MELAYU RADIO BRUNEI DI-PANCHARKAN MELALUI GELOMBANG2 SEDERHANA 517, 335 DAN 447 METER, SERTA GELOMBANG PENDEK 61 METER. SIARAN INI JUGA BOLEH DI-IKUTI MELALUI PERKHIDMATAN FM STEREO 92.3 MEGA-HERTZ BAGI DAERAH BRUNEI/MUARA DAN TEMBURONG SERTA 93.8 MEGA-HERTZ BAGI DAERAH2 TUTONG, SERIA DAN KUALA BELAIT.

RABU

PAGI: 6.00—Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.30—Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30—Madah dan lagu; 6.50—Bingkisan hari ini; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Hiboran sambil sarapan; 8.00—Sain dan perusahaan (SU); 8.30—Chitra Irama; 9.00—Dendang Antarabangsa; 9.30—Cherpen dan Selokan-nya; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Hiboran Selingan; 10.30—Permintaan pagi Rabu; 11.30—Autograph pendengar. T/HARI: 12.00—Tahu kah awda (SU)—Azan untuk fardhu Dzohor; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Apa kata mereka (SU); 1.30—Persembahan pancharagam (SU). PETANG: 2.00—Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02—Harian Radio; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Irama di-senja; 6.00—Tafsir Al-Koran (SU)—Azan untuk fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suci Al-Koran; 6.50—Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00—Permintaan perajurit; 7.30—Dari Bengkel Penulis/Mutiara Hikmat;—Azan untuk fardhu Isha; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Belia Zaman Ini; 9.00—Terima-lah Sampul Surat; 9.30—Hiboran Pilehan; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkasakan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10—Senandung malam; 10.23—Do'a restu; 10.30—Siaran Melayu di-tamatkan.

KHAMIS

PAGI: 6.00—Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03—Membachakan susunan ranchangan; 6.05—Bachaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30—Madah dan lagu; 6.50—Bingkisan hari ini; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Hiboran sambil sarapan; 8.15—Rampaihan London; 8.30—Dendang antarabangsa; 9.30—Dendang sa-irama (SU); 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Hiboran selingan; 10.30—Taman Mekar (SU); 11.00—Salam dari ku (SU); 11.30—Rampaihan irama. T/HARI: 12.00—Selingkar Madah; 12.15—Hiboran rampaian tengah hari,

APA PILEHAN AWDA



PESERTA yang akan di-undang untuk memilih lagu2 dalam ruangan Apa Pilehan Awda minggu ini ialah Dayang Rozimah binte Ahmad, No. 52 Kampong Setia, Bandar Seri Begawan, Brunei (gambar atas).

